Perhati dan Jagalah Bahaya Komunis dalam Negeri Kita

Dalam beberapa bulan ini banyak rombongan-rombongan dari Indonesia telah melawat ke negara-negara Komunis – dari Presidennya, Menteri-menterinya, anggota-anggota parlimennya, dan tidak ketinggalan pula alim ulamanya yang telah melawat Moscow, seluruh tanah Rusia, negeri Komunis di barat, dan juga negara Komunis China. Mereka diundang ke sana oleh kerajaan-kerajaan Komunis untuk mengetahui dari dekat bagaimana pemerintahan Komunis di situ berjalan dan tidaklah hairan bahawa dalam lawatan-lawatan itu ada didapati pujian-pujian oleh setengah-setengah pihak, terutamanya pihak kebangsaan dan juga oleh sebahagian "orang-orang Islam" yang hanya memandang perkara-perkara yang ditunjukkan lahirnya oleh orang-orang Komunis dan memandang akan budaya-budaya yang ditanamkan kepada mereka dalam keraian-keraian itu.

(Oleh Edrus)

Tetapi ada juga sebahagian daripada mereka itu yang menyiasat dan memerhati dengan mendalam akan hakikat-hakikat yang sebenarnya di negeri Komunis itu dan yang demikian, sudah banyak pula tersiar, terutamanya di dalam perkara yang mengenai hal-hal agama, agama Islam yang dipeluk mereka oleh ulama-ulama atau orang-orang Islam yang diundang ke sana.

Pada sedikit masa dahulu kita pernah menyiarkan tulisan al-Ustaz Muhammad Sholeh Saudi tentang apa yang berlaku di negara Komunis China. Dan sekarang kita banyak pula mendapat bahan-bahan baharu yang ditulis oleh beberapa penulis atau pengarang-pengarang Indonesia yang telah melawat ke sana – terutamanya mereka yang termasuk dalam rombongan Presiden Sukarno.

Wartawan "Abadi" Tuan Mara Karma, menulis di dalam surat khabar tersebut, menyatakan di antara lain-lain bahawa apabila mereka sampai di Stalingrad maka yang pertama dikehendaki oleh Presiden Sukarno ialah melawat masjid yang ada di situ. Permintaan presiden dikabulkan dan rombongan itupun pergilah ke sana untuk ziarah ke masjid itu dan tidaklah kurang orang-orang yang meraikan kedatangan itu termasuk tukang-tukang gambar, wartawan-wartawan, yang bukan Islam, dan juga orang-orang Islam yang umur-umur mereka serendah-rendahnya 40 tahun.

Tuan Mara Karma menceritakan bahawa perkara yang sangat menyedihkan dan menyakitkan hati ialah tentang perbuatan orang-orang Komunis itu terhadap masjid.

Lazimnya, katanya, sebagaimana teradab di Indonesia kalau memasuki masjid hendaklah membuka kasut tetapi di Stalingrad orang-orang yang bukan Islam dan juga orang-orang yang dikatakan Islam masuk ke dalam masjid dengan kaki yang kotor-kotor dengan lumpur dan bersepatu pula dan melintas di hadapan orang yang sedang sembahyang. Pemandangan ini sangatlah menyakitkan hati sama sekali.

Tuan Zainul Arifin, wakil ketua Parlimen dalam kenyataan kepada akhbar menyatakan bahawa "Islam di Rusia itu semakin hari semakin malap dan saya berkepercayaan bahawa dalam masa yang tidak lama lagi Islam akan tidak ada

lagi di Rusia kerana yang memegang Islam itu hanya sebahagian kecil sahaja itupun mereka yang telah tua-tua sahaja."

Tuan Muḥammad Saleh Mahmood, anggota jawatan pengarang "Abadi" yang bersama-sama juga dengan Presiden Sukarno dalam tulisan mengenai lawatan ke Moscow di antara lain-lain mengatakan bahawa "Kalau di sebelah utara seperti di Leningrad atau Moscow agama Islam boleh dikatakan sudah disapu bersih sama sekali dari permukaan bumi oleh pemerintah Rusia, di daerah selatan seperti di republik bahagian Azerbaijan, di bandar Baku mereka boleh dikatakan masih dapat bertahan lagi. Di jalan-jalan kita masih banyak melihat orang-orang yang bertutup kepalanya, seperti di Indonesia memakai songkok tetapi di sana mereka memakai songkok kecil seperti songkok haji tetapi bukan pula putih bahkan hitam agak berbunga-bunga dan diukir dengan benang-benang emas atau perak. Bentuknya lebih jelas lagi dapat dikatakan empat persegi runcing ke atas.

Jika kita ingin hendak melihat atau bercakap-cakap dengan orang-orang yang beragama Islam di sana, katanya, akan diberi juga peluang untuk melawat di sebuah masjid – masjid yang hanya satu di bandar Baku itu. Masjid itu dibuat oleh orang-orang Islam di sana seberapa besar yang boleh dan bila hari Jumaat, umpamanya, sembahyang tidak saja dilakukan dalam masjid-masjid itu tetapi juga meluas ke taman-taman dan ke tingkat-tingkat atas.

Ketika saya memasuki pintu masjid itu, katanya, di hadapan masjid itu sudah banyak orang menunggu kedatangan kami dan sampai ke dalam kita jumpai orang-orang yang tidak kurang usianya dari 50 tahun sedang berzikir dan di baris belakang tampak wanita-wanita atau lebih baik disebut Muslimatnya yang bertudung dengan kain hitam.

Jika di Indonesia, katanya, orang-orang Islam kebanyakannya memakai bendera-bendera hijau di sana halnya berlainan. Mereka mengibarkan bendera-bendera hitam di hadapan masjidnya jadi kalau dilihat sepintas lalu mereka nampaknya sebagai orang berkabung. Seterusnya Tuan Saleh Mahmood menyatakan setelah mereka melihat bagaimana orang beribadah terhadap Tuhannya, saya dan rakan-rakan saya menemui syeikh besar Muḥsin ibn Shaykh ʿAlī. Untung bagi kita, katanya, ada di antara rombongan itu pandai berbahasa Arab sehingga dengan demikian agak bebas kami bersoal jawab dengan syeikh besar itu dengan tidak payah menggunakan jurubahasa bangsa Rusia.

Dalam tanya jawab itu saya mendapat keterangan bahawa seluruh bahagian Republik Azerbaijan tidak ada sebuah pun sekolah yang di dalamnya anak-anak kita dapat dididik dengan ajaran-ajaran agama Islam.

Menurut keterangannya, pada tahun 1947 telah diberi izin untuk mendirikan sebuah madrasah tetapi kerana kesukaran-kesukaran – kesukaran wang – maka hingga sekarang madrasah itu masih belum sempat lagi didirikan. Kerana kesukaran-kesukaran itu untuk mengembangkan agama jadi terhalang dan sekarang hanya dapat dilakukan di rumah-rumah sahaja.

Mengenai pembahagian masjid benar telah mendapat bantuan dari pemerintah tetapi kenyataannya atau terangnya dapat dilihat dalam kilang-kilang atau pejabat-pejabat. Mereka tidak diberi kesempatan untuk pulang ke rumah pukul 11 pada hari Jumaat kerana kilang-kilang itu kepunyaan negara. Demikian juga untuk sembahyang

Sambungannya di muka 47

(Sambungan dari muka 2)

lima waktu tidak diboleh lakukan dalam kilang-kilang atau pejabat-pejabat.

Pada waktu ini, katanya, yang betul-betul dapat menjalankan ibadat hanya tidak lebih dari 700,000 orang. Menurut perasaan saya, kata Tuan Mahmud, pada waktu itu di kalangan tua-tua seperti saya, kalangan tua-tua seperti yang saya lihat khusyuk benar beribadah dalam masjid sudah tidak ada lagi, sudah meninggal dunia. Maka barangkali agama Islam sudah habis tersapu bersih dari bahagian Azerbaijan yang penduduknya hampir terbanyak orang-orang Islam.

Tatkala berpisah saya hanya mengucapkan doa kepada Allah untuk melindungi umatnya yang sedang dirundung malang yang sedang menghadapi satu raksasa dari pemerintah Soviet Rusia yang akan membersihkan Islam dari muka bumi ini, katanya.

Dr Syeikh H. Jalaluddin tatkala menafikan berita yang disiarkan oleh Siang Hua (Jabatan Berita Republik China) yang mengatakan bahawa beliau berkata: "Tidak ada kebebasan beragama di negeri China itu adalah propaganda emperialis yang tidak mempunyai dasar." Itu tidak betul kata Dr. Syeikh H. Jalaluddin. Menurut apa yang dilihat di negeri China sememangnya orang Islam ada yang mengerjakan sembahyang kalau dinamakan "bebas" dengan hanya mengerjakan ibadah bukanlah bebas dalam erti yang sepenuhnya menurut agama Islam.

Saya melihat sendiri, kata Dr. Jalaluddin, tidak seorang pun daripada anggota parlimen China itu beragama Islam. Sememangnya kepada kami sentiasa diperlihatkan penyambutan secara Islam dan pelayan-pelayannya pun diberi pakaian islam dan kami dibawa ke masjid-masjid. Ini agak menjadi pertanyaan kepada saya apakah mereka itu di sana sengaja memperlihatkan kepada kami bahawa mereka benar-benar rajin beribadah dan tidak diganggu? Antara lain-lain yang ditunjukkan yakni bersembahyang sepuluh rakaat lagi sesudah sembahyang Jumaat. Sesudah saya selidiki bandar Peking maka saya berpendapat bahawa Islam akan boleh hidup hanya dalam masa sepuluh tahun lagi. Tidak ada satu pun sekolah (madrasah Islam) di sana. Kalau anak-anak dan pemuda-pemuda yang sekarang tidak pernah menerima pelajaran agama maka bagaimanakah mereka kelak akan dapat diharap menjadi pemeluk Islam sedang di sekelilingnya selalu diberikan ajaran-ajaran dan propaganda Komunis? Seterusnya dengan sepintas lalu sahaja dapat saya mengatakan bahawa ulama yang biasanya menyambut kami itu bukanlah ulama yang faham bahasa Arab – katanya.

Dr. Syeikh Haji Jalaluddin ialah seorang anggota rombongan parlimen Republik Indonesia ke negeri China yang telah kembali dan *interview*-nya dengan Jabatan Berita Negeri China itu telah disiarkan dengan berlebih-lebihan – dengan cara yang cuba hendak menipu umat Islam lainnya – berlainan daripada apa yang dikatakan oleh Dr. Syeikh Haji Jalaluddin dari parti.

Apa yang tersebut ini dapatlah difaham akan hakikat yang sebenar ditanggung oleh saudara-saudara kita Islam di tanah Komunis itu. Daripada berita-berita yang ditulis oleh beberapa penulis yang pulang dari negeri Rusia itu terang dan jelas mereka mengatakan bahawa agama Kristian di dalam negeri Rusia itu sudah pun disapu bersih. Terang dan jelas bahawa di daerah utara dan barat selain dari daerah-daerah yang dahulunya jadi tumpuan umat Islam atau negara Islam seperti yang di luar Azerbaijan, agama Islam sudah disapu bersih oleh pengertian-pengertian

Komunis. Oleh sebab itu umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini sudah pada tempatnyalah bersatu untuk menentang anasir-anasir Komunis yang dengan perlahan-perlahan dimasukkan ke dalam negeri ini dan tidak pula ketinggalan ada di antara anak-anak "yang mengatakan dirinya orang Islam" membawa anasir-anasir itu ke dalam lingkungan orang kita menerusi persuratan-persuratan Melayu. Caranya halus dan bijaksana dan tidak disedari oleh sebahagian kita sedang kita berpendapat, baik pihak pemerintah khususnya, di Persekutuan Tanah Melayu tidak mengendahkan hal ini bahkan membiarkan berjalan dari satu ke satu masa, pengertian Komunis dihidupkan dan diakarkan ke dalam sanubari dan hati pemuda-pemuda Melayu yang kurang pengertian dan pengalamannya tentang agama Islam, bahkan pemuda-pemuda inilah, setengah-setengahnya yang telah mencemekkan Islam, yang telah memburukkan Islam di dalam masa kita berharap hal ini akan diperhati oleh Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu supaya jangan lengah daripada berdaya upaya sebelum nasi menjadi bubur untuk menahan anasir-anasir yang sangat berbahaya bagi keselamatan dan kesejahteraan orang-orang Melayu yang beragama Islam di negeri ini.

* * *

Pengumuman

Kiyai Nazarudin Lathif dan Kiyai Arsyad Tahir Lubis dari Masyumi yang pada masa ini di dallam perjalanan ke Moscow bersama dengan beberapa orang ulama bercadang akan singgah ke Singapura untuk selama dua minggu dan akan mengadakan ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh "Ikhwan." Ketetapan kesampaiannya insya-Allah akan disiarkan dalam akhbar harian tempatan apabila diterima saja berita dair kedua-dua beliau itu.

Perlu juga disebut bahawa Kiyai Haji Isa Anshari ketua "Peran Anti Komunis" di Indonesia telah berjanji akan mengunjungi Malaya pada tahun 1957 di bawah jemputan "Ikhwan". Mudah-mudahan ketetapannya akan dapat berjalan dengan semestinya. Sesiapa di Persekutuan yang berhajat untuk mendatangkan beliau di tempat masing-masing diharap berhubung dengan:

Pengelola sementara "Ikhwan",
238-B Geylang Road
Singapore 14.

Syed Adnan Hafiz Pengarah Agung Pejabat Surat dan Telegraf Iraq bercakap melalui telefon dalam masa lawatan ke London baharu-baharu ini untuk menyaksikan perkembangan paling baru dalam urusan telekomunikasi.